

13/01/2001

Ramai pihak mahu usaha Umno satukan Melayu diteruskan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pemimpin pertubuhan yang mewakili kepentingan Melayu menyokong supaya perbincangan mengenai perpaduan bangsa yang diusahakan oleh Umno, diteruskan.

Mereka berpendapat perpecahan di kalangan orang Melayu adalah isu kritikal yang perlu diberi perhatian, terutama oleh parti politik Melayu seperti Umno dan Pas.

Sehubungan itu, mereka melahirkan rasa kesal dengan sikap yang ditunjukkan pemimpin parti pembangkang berhubung isu berkenaan.

Di JOHOR BAHRU, Pengerusi Persatuan Penjaja, Peniaga dan Pengusaha Industri Kecil Melayu Daerah Johor Bahru, Hamzah Atan, 57, berkata pemimpin Melayu tidak seharusnya memperlekehkan isu berkenaan.

Sehubungan itu, beliau berkata, perjumpaan antara tiga pemimpin parti yang diusahakan oleh Umno sepatutnya diadakan.

"Tindakan parti Keadilan menarik diri dan menyatakan parti itu bukan parti Melayu amat mengecewakan," katanya.

Usaha untuk mengadakan perbincangan mengenai isu perpaduan Melayu antara Umno, Pas dan Keadilan mula disuarakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketika Pas menyambut baik usaha berkenaan dan menyatakan kesediaannya menyertai perbincangan itu, Keadilan membuat keputusan menolak usaha berkenaan kerana berpendapat perbincangan berkenaan tidak perlu dan parti itu adalah parti berbilang kaum, bukan parti Melayu.

Setiausaha Majlis Belia Daerah Johor Bahru, Abdul Rashid Kasman, 40, berkata pemimpin parti politik tidak boleh menolak dengan mudah isu perpaduan Melayu kerana masyarakat Melayu sudah mula berpecah belah kerana kepentingan peribadi.

"Perpaduan Melayu seharusnya dibincangkan dari awal lagi kerana pemimpin kita juga Melayu," katanya.

Di KUALA TERENGGANU, Setiausaha Agung Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Syed Anuar Syed Mohamad berkata, memandangkan bangsa Melayu menjadi teras kestabilan dan keutuhan pemerintahan demokrasi di Malaysia, perpecahan Melayu akan mengugat kestabilan politik, ekonomi dan sosial yang akhirnya membawa kerugian kepada semua pihak termasuk bangsa lain.

"Jika bangsa Melayu kuat di atas kepentingan bersama, ia akan mewujudkan keharmonian bukan saja kepada bangsa Melayu tetapi juga kepada bangsa lain yang hidup di negara ini.

"Dari segi ekonomi pula perpaduan Melayu dilihat pelabur asing sebagai perkara penting kerana orang Melayu menjadi tulang belakang kepada kestabilan yang sangat diperlukan dalam setiap pelaburan," katanya.

Di GEORGETOWN, Presiden Persatuan Melayu Pulau Pinang (Pemenang), Datuk Mohd Yussof Latiff berkata, penyatuan Melayu tidak bermakna mengetepikan hak kaum lain tetapi mampu mengeratkan lagi kerjasama yang sedia ada antara kaum.

"Penyatuan Melayu menjadi asas kepada kejayaan menuntut kemerdekaan daripada penjajah dan bermula daripada itu negara ditadbir dengan asas yang cukup kukuh," katanya.

Sementara itu, Timbalan Presiden Pemenang, Datuk Azmi Merican, berkata perpaduan amat mustahak dan orang Melayu sendiri perlu menghargainya.

"Saya amat gembira serta mengalukan pertemuan itu dan amat berharap ia akan mencapai matlamat kerana penyatuan Melayu lebih penting daripada

fahaman politik," katanya.

Di ALOR STAR, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Kedah (DPMMK) menyifatkan bangsa Melayu perlu bersatu tanpa mengira perbezaan fahaman politik serta masih lemah dalam penguasaan ekonomi.

Yang Dipertuanya, Baharuddin Kassim berkata, dewan berkenaan tidak mahu melihat ahli perniagaan Melayu khasnya dan masyarakat Melayu amnya terus ketinggalan menikmati pembangunan ekonomi hanya kerana kehilangan kuasa Melayu akibat perpecahan.

"Bangsa Melayu masih lemah. Jika kita terus berpecah-belah, tidak mungkin ahli perniagaan Melayu mampu menikmati pembangunan pesat ekonomi. Oleh sebab kuasalah, ahli perniagaan Melayu terus menikmati kemakmuran ini," katanya.

Di KOTA BHARU, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) cawangan Kelantan yang mempunyai lebih 10,000 ahli berharap perpaduan dan penyatuan Melayu dapat dizahirkan dalam pengertian sebenar.

Yang Dipertuanya, Nik Abdul Rahman Nik Taib berkata, perpaduan Melayu akan mengukuhkan kedudukan bangsa itu sendiri dan sekali gus mengangkat martabat Islam.

(END)